



KAMARUZAMAN memanah belon sebagai simbolik perasmian majlis itu

Peluang mendapatkan pekerjaan lebih tinggi

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**

conypearl09@gmail.com

UB 27.05.2012 A4

KOTA KINABALU: Penguasaan kemahiran insaniah merupakan kelebihan yang ada pada seseorang untuk menembusi pasaran kerja.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Professor Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, pelajar yang menguasai bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan kerja.

Katanya, penguasaan kemahiran insaniah iaitu mampu memimpin,

berkomunikasi dengan baik, bekerja berpasukan, memiliki pemikiran kritis serta beretika tinggi memberikan kelebihan kepada seseorang individu dalam pasaran kerja.

“Oleh itu, program kokorikulum yang diadakan di UMS adalah untuk mempertingkatkan ketrampilan diri dalam bidang berdasarkan minat dan kebolehan diri selain akedemik dan ijazah.

“Justeru, saya berharap aktiviti seperti karnival kokurikulum akan diteruskan dan diperkembangkan dengan

pengisian yang dapat mengeratkan hubungan antara warga UMS,” katanya ketika Karnival Kokurikulum 2012 bersama Naib Canselor UMS, di sini kelmarin.

Tambahnya, karnival itu juga amat istimewa kerana diraikan bersama ulangtahun ke-10 Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP).

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr. Mohd Harun Abdullah, dan Pengarah PKPP, Prof. Madya Abdul Jamal Abd Hamid.